

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 28 JULAI 2023
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3

10 juta rakyat dapat RM100

10 juta rakyat dapat RM100

Bantuan khas RM300 penjawat awam, RM200 pesara turut diumumkan PM

KUALA LUMPUR

Kerajaan bersetuju untuk menawarkan kredit e-tunai sebanyak RM100 kepada semua rakyat dewasa Malaysia yang berpendapatan RM100,000 setahun dan ke bawah.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, inisiatif itu susulan kejayaan dan impak besar program e-tunai kepada masyarakat di negara ini.

"Bilangan penerima yang layak dianggarkan melebihi 10 juta rakyat merangkumi golongan B40 dan M40 dengan dana sekitar RM1 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pelancaran Ekonomi Madani: Memperkasakan Rakyat di sini pada Khamis.

Menurut Anwar, kejayaan program eBeliaRahmah (eBR) bukan sahaja memberi manfaat kepada dua juta belia, malah membantu sektor perniagaan menjana pendapatan di samping membina masyarakat tanpa tunai.

Sementara itu, kerajaan akan menyediakan bantuan khas penghargaan RM300 kepada penjawat awam Gred 56



Bantuan e-tunai RM100 yang diumumkan Perdana Menteri mampu merancakkan lagi aktiviti ekonomi tanpa tunai negara.



dan ke bawah.

Perdana Menteri turut mengumumkan bantuan RM200 kepada pesara kerajaan termasuk pesara berpencen, penerima pencen terbitan, pesara Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), pesara bersara pilihan dan belum menerima pencen, veteran berpencen serta veteran tidak berpencen.

"Bantuan khas ini akan memanfaatkan 1.3 juta penjawat awam termasuk lantikan kontrak, serta lebih sejuta pesara. Dengan pemberian permulaan ini diharapkan penjawat awam akan terus me-



ADNAN

nyokong hasrat melaksanakan pembaharuan," katanya.

Anwar berkata, bayaran bantuan berkenaan dijangka dibuat dalam tempoh dua minggu dari sekarang. Menurutnya, bantuan khas itu diumumkan sementara kajian gaji dan elaun diperincikan.

Dalam pada itu, Presiden Kongres Kesatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) Datuk Adnan Mat me-

nyifatkan pemberian bantuan khas itu sebagai komitmen awal kerajaan terhadap usaha menyemak semula gaji perkhidmatan awam dalam masa terdekat.